

Rakyat Kubang Pasu

tidak mahu

BH 3 MAY 1986

Dr M tukar kawasan

JITRA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hendaklah terus bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu kerana rakyat, khususnya ahli-ahli Umno, tidak rela beliau berpindah ke tempat lain.

"Adalah menjadi hasrat rakyat di sini agar Perdana Menteri terus mewakili kerusi Parlimen Kubang Pasu," kata Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, ketika mencadangkan usul menangguhkan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, di sini semalam.

Dalam ucapan penangguhannya di mesyuarat itu semalam, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga ketua bahagian itu, berkata beliau sedia bertanding di sebarang kawasan yang diputuskan oleh parti dalam

pilihanraya depan.

Menurutnya, yang penting bukan sama ada beliau atau pemimpin Umno lain dipilih sebagai calon, tetapi semua ahli hendaklah bekerja keras untuk memastikan mereka yang dipilih mencapai kemenangan.

Datuk Paduka Haji Osman yang juga Timbalan Ketua Umno bahagian itu, berkata Umno sebagai parti yang terbesar di negara ini, memasuki era kedewasaan dan pemikiran yang waras dengan mencapai usia 40 tahun pada 11 Mei ini.

"Umno tidak lagi boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak untuk terus bekerja ke arah mengeratkan lagi kerjasama dan menguatkan kedudukan," ujarnya.

Menteri Besar berkata, Umno meneruskan perjuangan bukan untuk orang Melayu sahaja, malah kepada semua bangsa supaya kesetiaan kaum lain dalam Barisan Nasional terus dikekalkan.

Mengenai pembangunan, beliau berkata, tidak ada orang yang boleh menafikan kepesatan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam bidang agama, ekonomi, pelajaran dan kemudahan asas.

Menurutnya, daerah Kubang Pasu juga turut membangun seperti kawasan lain di seluruh negara dengan tahap ekonomi penduduk yang tinggi dan boleh dibanggakan.

"Ini adalah usaha yang dilaksanakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir, yang sentiasa berusaha

bagi membangun dan memajukan negara," tambahnya.

Beliau memberi jaminan kerajaan negeri juga akan berusaha mencapai cita-cita Perdana Menteri untuk melaksanakan pelbagai pembangunan bagi kepentingan rakyat jelata.

Katanya, pembangunan yang dicapai oleh Malaysia dikagumi oleh pemimpin-pemimpin negara luar, terutama mereka yang pernah tinggal dan melawat negara ini.

Mengenai Umno bahagian itu, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, berkata dengan kerjasama jawatankuasa dan pemimpinnya, jumlah keahlian dapat ditambah sehingga 20,000 orang tahun ini berbanding 17,000 orang tahun lalu.

Terdahulu itu, seramai 10 ahli dipilih mewakili Umno Bahagian Kubang Pasu ke Perhimpunan Agung Umno Malaysia di Kuala Lumpur tidak lama lagi, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir dan Menteri Besar.